MAJLIS DAERAH JERANTUT
27000 JERANTUTPAHANG DARUL MAKMUR
TEL: 09-266 2205 FAKS:09-266 1545
www.mdjerantut.gov.my emel: admin@mdjerantut.gov.my

# BORANG PERMOHONAN DAN PEMBAHARUAN SEWA PETAK LETAK KERETA BERMUSIM/ PETAK KHAS MAJLIS DAERAH JERANTUT

## A. MAKLUMAT PEMOHON

| | |
|---|---|
| NAMAPEMOHON /SYARIKAT | |
| NO KAD PENGENALAN/NO. PENDAFTARAN SYARIKAT | |
| ALAMAT SYARIKAT / PERNIAGAAN | |
| NO. TELEFON | |
| TARIKH PERMOHONAN | |

## B. BUTIRAN SEWAAN

| | |
|---|---|
| JUMLAH PETAK YANG INGIN DISEWA | |
| LOKASI PETAK (NO. PETAK / NAMA JALAN) (Sila lampirkan gambar kedudukan petak letak kereta yang dipohon) | |
| TEMPOH PENYEWAAN<br><br>TARIKH MULA:<br>TARIKH AKHIR: | ☐ 1 BULAN ☐ 3 BULAN<br>☐ 6 BULAN ☐ 12 BULAN |
| SEWA YANG DIKENAKAN (RM80.00 X JUMLAH PETAK X TEMPOH) | RM |

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju mematuhi syarat-syarat pembaharuan penyewaan petak letak kereta bermusim yang ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Jerantut.

(Tandatangan Pemohon & Cop Syarikat)

| **STATUS PERMOHONAN** | **BUTIRAN BAYARAN** | |
|---|---|---|
| ☐ Permohonan **diluluskan**<br>☐ Permohonan **ditolak** | Tarikh Bayaran:<br>No.Resit : | b.p Yang Dipertua<br>Majlis Daerah Jerantut |

**Tempoh Mulai :** ☐ **Tempoh berakhir pada:** ☐

# SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM / PETAK KHAS MAJLIS DAERAH JERANTUT

**Permohonan**

1. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan borang permohonan yang disediakan bersertakan:
   a. Salinan Lesen Perniagaan yang sah tempohnya
   b. Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM.
   c. 1 gambar kedudukan petak/tapak

2. Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada:

   Unit Tempat Letak Kereta
   Majlis Daerah Jerantut
   27000 Jerantut
   Pahang Darul Makmur
   Tel: 09-226 2205 Tel: 09-266 1545

3. Keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh pihak MDJ setelah permohonan diproses.

4. Keputusan MDJ adalah muktamad.

**Kadar Bayaran**

Kadar bayaran yang dikenakan sebanyak RM80.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Sahaja) sepetak untuk tempoh satu bulan. Bayaran hendaklah dibuat untuk tempoh 1, 3, 6 atau 12 bulan.

**Penyediaan Petak Musim**

Pihak MDJ akan memastikan petak-petak yang disewa dicat mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**Tanggungjawab Penyewa**

1. Penyewa adalah bertanggungjawab memastikan petak yang disewa tidak disalahgunakan untuk tujuan selain daripada tempat meletak kereta atau tujuan yang diluluskan oleh MDJ.

2. Jangkamasa sah penggunaan harian petak yang disewa adalah di antara jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat).

3. Penyewa dilarang menghalang pengguna-pengguna lain untuk menggunakan petak letak kereta berkenaan di luar tempoh waktu yang dibenarkan.

**Membatalkan Kelulusan Sewa Petak Letak Kereta Bermusim**

MDJ berhak membatalkan kelulusan sewa petak letak kereta bermusim atas sebab-sebab:

a. Penyewa tidak membayar sewa petak pada tarikh yang ditetapkan.
b. Penyewa melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan oleh MDJ.
c. MDJ mendapati kemudahan seumpama ini perlu dihentikan atas sebab-sebab keselamatan, kesibukan lalulintas dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu dan munasabah. Dalam hal ini penyewa akan dimaklumkan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tindakan pembatalan dibuat.

**Menamatkan Penyewaan Petak Letak Kereta Bermusim**

Penyewa dikehendaki memberitahu Unit Letak Tempat Kereta MDJ secara bertulis satu bulan sebelum tarikh menamatkan sewaan sekiranya ingin menamatkan penyewaan tersebut.

**Pindaan Syarat**

MDJ dari masa ke semasa berhak meminda, menambah atau memansuhkan mana-mana syarat kemudahan sewa petak letak kereta bermusim apabila difikirkan perlu.

**Lain-lain**

1. MDJ tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana kereta yang diletakkan di petak bermusim atau lain-lain kegunaan petak tanpa izin penyewa.

2. MDJ tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan atau kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan yang terletak di mana-mana petak letak kereta bermusim.